

SOALAN LAZIM

MENGENAI HALA TUJU SUBSIDI DAN KAWALAN HARGA TELUR AYAM

01

Apakah tujuan penyasaran semula subsidi dan kawalan harga telur ayam?

Penyasaran semula subsidi dan kawalan harga telur ayam ini akan dapat mengukuhkan kedudukan kewangan dan fiskal negara yang mana perkara ini membolehkan pihak Kerajaan menggunakan peruntukan tersebut untuk keperluan rakyat yang lebih mendesak demi kesejahteraan rakyat selaras dengan nilai-nilai MADANI.

02

Mengapakah pihak Kerajaan melakukan penyasaran semula subsidi dan kawalan harga telur ayam?

Keputusan penyasaran semula subsidi dan kawalan harga telur ayam dibuat berdasarkan jaminan industri terhadap bekalan yang mencukupi, seperti dibuktikan semasa Aidilfitri, serta kerana tempoh subsidi yang terlalu lama (1273 hari sehingga 31 Julai 2025) tidak lagi mampan kepada kelangsungan industri pengeluar telur tempatan serta kewangan negara. Langkah tersebut adalah lebih adil memandangkan subsidi ketika ini turut dinikmati oleh warga asing dan golongan berpendapatan tinggi.

03

Bagaimanakah proses penyasaran semula subsidi dan kawalan harga telur ayam?

Proses penyasaran ini akan dilakukan secara berperingkat (*soft-landing*) bagi meringankan impak kepada rakyat iaitu:

- (i) kawalan harga telur ayam ditamatkan dan kadar **subsidi telur ayam dikurangkan dari RM0.10 kepada RM0.05 sebiji.**
- (ii) ditamatkan pemberian subsidi telur ayam sepenuhnya **pada 1 Ogos 2025.**

04

Berapa banyakkah subsidi Kerajaan telah diberikan untuk mengawal harga telur setakat Disember 2024?

Sejak Februari 2022 hingga Disember 2024, **Kerajaan telah membelanjakan hampir RM2.5 bilion** untuk pembayaran subsidi telur ayam kepada pihak industri bagi menampung peningkatan kos pengeluaran berikutan pandemik COVID-19.



05

Berapakah perbezaan antara harga telur Malaysia berbanding negara-negara ASEAN?

Purata perbandingan harga bagi April tahun 2025 bagi telur gred B(M) sebiji, adalah

	Malaysia	RM0.40/ sebiji
	Thailand	RM0.53/ sebiji
	Filipina	RM0.72/sebiji
	Myanmar	RM0.78/ sebiji
	Vietnam	RM0.78/sebiji
	Kemboja	RM0.81/sebiji

**06**

Sejauh manakah penyasaran subsidi dan kawalan harga telur ayam ini dapat memperkuuhkan kecekapan dan daya saing pengeluaran telur ayam?

Dasar penyasaran subsidi dan kawalan harga telur ayam ini dijangka memberi kesan positif awal iaitu pemulihan daya saing pasaran telur tempatan dan kompetitif kepada pengeluar.

Dari sudut ekonomi, dasar pasaran terbuka merangsang kecekapan dan inovasi industri tempatan serta mencegah manipulasi subsidi oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Tindakan ini mengelakkan ketirisan subsidi yang sebelum ini turut dinikmati golongan berpendapatan tinggi dan warga asing.

07

Bagaimakah penyasaran subsidi dapat membantu pengukuhan kewangan Kerajaan?

Penyasaran subsidi ini menjimatkan RM100 juta sebulan, membolehkan Kerajaan membiayai projek kritikal dan keperluan mendesak.

08

Apakah mekanisme Kerajaan bagi memastikan golongan berpendapatan rendah benar-benar dilindungi daripada impak penyasaran subsidi dan kawalan harga telur ayam?

Bagi meringankan impak penyasaran subsidi telur ayam dan mengawal kos sara hidup, beberapa langkah segera khusus untuk golongan berpendapatan rendah telah dilaksanakan, antaranya:

Pihak industri bersetuju **memperkenalkan telur gred khas pada harga munasabah**. KPBM dan KPDN pula komited meneruskan **Jualan Agro MADANI** dan **Jualan Rahmah** di seluruh negara, termasuk di outlet FAMA dan LPP, bagi menjamin bekalan berpatutan dan akses maklumat lokasi penjualan barang keperluan asas seperti telur.

Rakyat boleh menyalurkan sebarang maklumat atau aduan berhubung isu bekalan telur melalui e-mel rasmi KPBM, pro@kpkm.gov.my





09 | **Adakah warganegara asing boleh membeli telur gred khas ini?**

Boleh kerana ia tidak melibatkan subsidi Kerajaan.

10 | **Adakah program penyasaran subsidi dan kawalan harga telur ayam ini hanya akan menguntungkan pihak industri?**

Tidak. Manfaat utama penyasaran subsidi dan kawalan harga telur seperti penjimatkan perbelanjaan Kerajaan sediada tentunya akan dikembalikan semula kepada rakyat dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dasar, program atau projek lain yang mendesak.

Selain itu, tindakan ini juga merupakan langkah tegas pihak kerajaan bagi melindungi dana subsidi daripada dimanipulasi oleh mana-mana pihak di peringkat industri.



11 | **Apakah Sabah dan Sarawak akan turut terlibat dalam penyasaran subsidi dan kawalan harga telur?**

Ya. Dasar ini turut melibatkan Sabah dan Sarawak.

